



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM TRANSFORMASI TENAGA KERJA MELALUI LATIHAN, PRODUKTIVITI DAN UPAH TAHUN 2024

Seiring dengan matlamat pelaksanaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) dengan kerjasama Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan Human Resource Development Corporation (HRD Corp) berkolaborasi menganjurkan Program Transformasi Tenaga Kerja Melalui Latihan, Produktiviti Dan Upah Tahun 2024. Program ini diadakan pada 9 Mac 2024 (Sabtu) di Hotel Ixora, Pulau Pinang.

Objektif utama pelaksanaan Program Transformasi Tenaga Kerja Melalui Latihan, Produktiviti Dan Upah Tahun 2024 ini adalah untuk memberi penerangan kepada pelbagai golongan sasar termasuk pekerja, wakil majikan dan kesatuan sekerja berhubung dengan pelaksanaan gaji minimum dan pembangunan program latihan serta kepentingannya kepada produktiviti negara. Pelaksanaan program ini diharap dapat memberi kesedaran dan pengetahuan kepada peserta berhubung faedah berkesatuan dalam meningkatkan kebijakan pekerja dan keharmonian perusahaan.

Melalui program ini juga penggiat industri akan berkongsi pengalaman berkaitan pelaksanaan gaji dan latihan yang diamalkan dalam organisasi untuk meningkatkan produktiviti pekerja dan majikan. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta tentang hubungan antara peningkatan produktiviti dan pembangunan kemahiran yang berpotensi untuk meningkatkan pendapatan.

Bagi memastikan objektif pelaksanaan Program Transformasi Tenaga Kerja Melalui Latihan, Produktiviti Dan Upah Tahun 2024 ini dapat dicapai, majikan dan kesatuan sekerja harus memainkan peranan masing-masing untuk memastikan produktiviti pekerja seiring dengan kenaikan upah.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
9 MAC 2024**